

SOALAN OBJEKTIF

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَمَرَاتِ ۚ وَكَثِيرٍ مِّنَ الصَّيْرِ ۚ وَالَّذِينَ إِذَا
أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
Surah Al-Baqarah ayat: 155 - 156

1. Maksud kalimah yang bergaris dalam ayat di atas ialah
 - A. ketakutan
 - B. kelaparan
 - C. kekurangan
 - D. kehilangan
2. Sunnatullah (سنة الله) bermaksud
 - A. segala bentuk larangan Allah
 - B. segala bentuk suruhan Allah
 - C. peraturan dan ketetapan Allah kepada semua makhluk
 - D. pembalasan dan hukuman Allah kepada makhluk-Nya
3. Allah menimpakan hamba-Nya dengan musibah dan kesusahan adalah sebagai satu
 - A. hukuman
 - B. pembalasan
 - C. ganjaran
 - D. ujian
4. Berikut adalah cara menghadapi musibah **kecuali**
 - A. berbaik sangka kepada Allah bahawa setiap musibah ada hikmahnya.
 - B. ragu-ragu dengan ketentuan Allah dalam menimpakan musibah.
 - C. sabar dan redha dengan segala kesusahan.
 - D. berusaha meningkatkan ibadat seperti solat sunat atau membaca al-Quran.
5. Berikut adalah hikmah ditimpakan musibah kepada manusia
 - I. menguji tahap keimanan manusia
 - II. menjauhkan sifat sabar dan redha
 - III. hilang petunjuk daripada Allah
 - IV. menghapuskan dosa dan mendapat pahala
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV

(a) Firman Allah ﷻ:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(Surah al-Baqarah: 155-156)

Ayat di atas menjelaskan bentuk ujian yang Allah ﷻ berikan kepada manusia.

Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

syurga	pahala	musibah	berdoa	takdir
--------	--------	---------	--------	--------

- (i) Umat Islam yakin bahawa musibah yang dihadapi merupakan _____ daripada Allah ﷻ.
- (ii) Allah ﷻ menguji hamba-Nya dengan _____ seperti kematian, kehilangan harta dan sebagainya.
- (iii) Orang yang beriman sentiasa melazimi amalan _____ ketika ditimpa musibah.
- (iv) Hamba yang tabah dan sabar menghadapi ujian akan memperoleh ganjaran _____ yang besar.